

**P.U. (A) 394/1998**

**AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 1991**

**PERATURAN-PERATURAN PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT)(PEMBELIAN SYERNYA SENDIRI OLEH SYARIKAT)(PINDAAN) 1998**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 63 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pembelian Syernya Sendiri Oleh Syarikat)(Pindaan) 1998**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 November 1998.

**Pindaan peraturan 4**

2. Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pembelian Syernya Sendiri Oleh Syarikat) 1997 [P.U.(A) 346/1997] dipinda dalam perenggan 4(a) dengan memasukkan selepas perkataan "itu" perkataan "kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara khusus di bawah seksyen 67A Akta Syarikat 1965 dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya".

Dibuat 31 Oktober 1998.

[S(8.02) 443-20;PN(PU<sup>2</sup>)526]

**DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED**  
*Menteri Kewangan Kedua*